



KONSEP INTEGRASI ETNIK DARI PERSPEKTIF PEMBANGUNAN BERTERASKAN ISLAM DI MALAYSIA

THE CONCEPT OF ETHNIC INTEGRATION FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAMIC-BASED DEVELOPMENT IN MALAYSIA

Abang Mohd Razif Abang Muis^{1*}, Mohd Sohaimi Esa^{2*}, Romzi Ationg³, Budi Anto Mohd Tamring⁴,
Jais Abdul Hamid⁵, Saifulazry Mokhtar⁶ & Irma Wani Othman^{7*}

- ¹ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: amrazif@ums.edu.my
 - ² Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: msahaimi@ums.edu.my
 - ³ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mratiang@ums.edu.my
 - ⁴ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: budi@ums.edu.my
 - ⁵ IPG Kampus Kent, Tuaran, Sabah
Email: jahwin2009@gmail.com
 - ⁶ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: saifulazry@ums.edu.my
 - ⁷ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: irma@ums.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.01.2021
Revised date: 15.02.2021
Accepted date: 15.03.2021
Published date: 30.04.2021

To cite this document:

Muis, A. M. R. A., Esa, M. S., Ationg, R., Tamring, B. A. M., Hamid, J. A., Mokhtar, S., & Othman, I. W. (2021). Konsep Integrasi Etnik dari Perspektif Pembangunan Berteraskan Islam di Malaysia. *International Journal of*

Abstrak:

Makalah ini bertujuan mengenal pasti konsep integrasi etnik dari perspektif pembangunan berteraskan Islam dengan merujuk keadaan semasa di Malaysia. Integrasi etnik ini menjadi salah satu aspek penting dalam agenda global dan tempatan khususnya di Malaysia dalam menyampaikan mesej keamanan bagi seluruh umat manusia. Pengenalpastian konsep integrasi etnik dari perspektif pembangunan berteraskan Islam ini dapat dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu tasawur, prinsip-prinsip dan matlamatnya. Perspektif pembangunan berteraskan Islam dilihat meletakkan sesuatu aspek pembangunan menyeluruh yang bertunjangkan ketauhidan kepada Allah SWT, berlandaskan tasawur Islam dan bersumberkan epistemologi Islam. Pembangunan berteraskan Islam berbeza daripada pembangunan konvensional Barat kerana pembangunan berteraskan Islam menyatupadukan kedua-dua aspek jasmani atau material dan aspek rohani atau spiritual dalam semua kegiatan pembangunan. Dalam konteks makalah ini, integrasi masyarakat khususnya yang terdiri daripada pelbagai rasa

Law, Government and Communication, 6 (23), 104-114.

DOI: 10.35631/IJLGC.623007.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



dan etnik menjadi agenda penting dalam menyampaikan mesej perpaduan dan kedamaian bagi umat manusia khususnya di Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang etnik. Oleh demikian, makalah ini cuba menggambarkan bagaimana Islam menekankan nilai wasatiyyah dan kepentingan integrasi khususnya antara umat Islam dan masyarakat bukan Islam khususnya di Malaysia dalam pelbagai aspek kehidupan mereka termasuklah dalam aspek pembangunan.

Kata Kunci:

Integrasi Etnik; Pembangunan Berteraskan Islam; Malaysia

Abstract:

This paper aims to identify the concept of ethnic integration from the perspective of Islamic-based development with reference to the current situation in Malaysia. This ethnic integration has become one of the important aspects of the global and local agenda, especially in Malaysia in conveying the message of peace for all mankind. The identification of the concept of ethnic integration from the perspective of Islamic-based development can be divided into three main components, *tasawur*, principles, and goals. The perspective of Islamic -based development is seen to place an aspect of comprehensive development that is based on oneness to Allah SWT, based on Islamic philosophy, and sourced from Islamic epistemology. Islamic-based development differs from Western conventional development because Islamic-based development integrates both physical or material aspects and spiritual or spiritual aspects in all development activities. In the context of this paper, the integration of society, especially those of various races and ethnicities is an important agenda in conveying the message of unity and peace for mankind, especially in Malaysia which has a multi-ethnic society. Therefore, this paper tries to describe how Islam emphasizes the value of wasatiyyah and the importance of integration, especially between Muslims and non -Muslims, especially in Malaysia in various aspects of their lives, including in the aspect of development.

Keywords:

Ethnic Integration; Islamic -Based Development; Malaysia

Pengenalan: Antara Idealis dan Realis Aspek Integrasi Etnik di Malaysia

Malaysia sering kali dilihat menjadi model dan contoh kepada negara-negara lain dari aspek hubungan etnik kerana berjaya mewujudkan keharmonian dalam kalangan ras dan etnik yang pelbagai. Sebahagian besar kejayaan ini merupakan hasil usaha kerajaan yang bersifat *top-down* dan disokong oleh pelbagai pihak termasuklah sektor swasta, badan bukan kerajaan, dan rakyat sendiri yang bersifat *bottom-up*. Proses ini meletakkan tujuan utamanya iaitu memupuk perpaduan dan hubungan etnik yang mantap dan padu sebagai agenda utama dalam kalangan rakyat Malaysia. Usaha yang berterusan ini dipelopori oleh pihak kerajaan bagi memastikan kestabilan politik dan keadilan sosioekonomi serta keharmonian negara sentiasa terpelihara (Ali, 2017).

Integrasi secara umumnya didefinisikan sebagai gabungan dua atau beberapa kaum, unsur, bahagian dan sebagainya menjadi satu kesatuan yang utuh (Abdul Rahman, Ahamd & Abdul Wahab, 2009). Dalam konteks Malaysia, integrasi sangat diutamakan dalam usaha memupuk perpaduan rakyat di negara ini. Ia merupakan suatu proses penyesuaian bersama pelbagai

kebudayaan dan ciri-ciri sosial yang dapat diterima oleh semua kelompok etnik. Identiti, budaya dan hak hidup sesuatu kumpulan etnik tidak dimansuhkan dan dibuang, tetapi dikembangkan dan disuburkan. Dari kaca mata perundangan, hak kelangsungan hidup merujuk hak asasi individu bagi mencapai kelestarian hidup tanpa diskriminasi berdasarkan strata masyarakat (Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Romzi Ationg, Mohd Sohaimi Esa, Mohd Kamal Mohd Shah, 2020). Secara lebih terperinci lagi, integrasi di Malaysia merupakan satu proses berterusan bagi mewujudkan satu identiti kebangsaan dalam kalangan etnik yang majmuk dan terpisah-pisah dari segi budaya, agama, sosial dan kawasan penempatan. Mereka dipupuk menerusi integrasi politik, sosial, ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan pada peringkat wilayah (Baharuddin, 2012; Ramli, 2015).

Proses ke-arah mencapai sebuah masyarakat yang berintegrasi bukannya suatu perkara yang mudah dan mampu dicapai dalam tempoh masa yang singkat kerana integrasi merupakan suatu perkara yang kompleks sekali. Tahap-tahap hubungan etnik boleh dilihat dari segi darjah kedekatan bermula dengan hubungan terpisah, iaitu segregasi sehingga hubungan berbentuk sebati iaitu amalgamasi. Hubungan yang lebih rapat antara wilayah mampu mewujudkan integrasi dalam aspek politik dan nilai. Toleransi persoalan ketuanan yang merujuk wilayah negara di jana dalam konteks pembangunan keadilan sosial, nilai murni masyarakat dan norma baru (Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Hasbullah, A. Herlina, J., dan Rudy Adie, R., 2017). Penyuburan hubungan berkenaan seterusnya mampu mengurangkan konflik dan mengutamakan persefahaman, serta mewujudkan semangat perpaduan antara pelbagai etnik.

Secara umumnya, Shaari, Ayob, Zakaria dan Yusof (2019) mendapati bahawa semua etnik di Malaysia sebenarnya mempunyai keinginan untuk berkenalan dengan orang lain yang terdiri daripada etnik yang berbeza-beza. Oleh itu, tidak hairanlah jika Malaysia mampu mempunyai masyarakat pelbagai etnik yang bersatu padu. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa isu-isu yang berkaitan dengan integrasi etnik di Malaysia sebenarnya agak kompleks. Hal ini kerana aspek sosiopolitik setiap etnik masih berkiblatkan kepada sifat perkauman. Agen-agen seperti sejarah, pendidikan, media, parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan amat kuat mencengkam budaya politik setiap etnik di Malaysia. Akhirnya, wujudlah dalam setiap etnik tersebut kelompok-kelompok yang cuba memperjuangkan kepentingan masing-masing. Hal ini dibuktikan melalui tinjauan, kajian dan pemerhatian yang telah dijalankan dalam kajian-kajian sebelum ini. Situasi ini sebenarnya tidak banyak berubah sehingga ke hari ini. Dapat dikatakan bahawa pengaruh agen sosiopolitik seperti sejarah, institusi keluarga dan pendidikan yang dilalui telah meninggalkan kesan terhadap interaksi dan hubungan antara etnik. Sosiopolitik perkauman dilihat menjadi aspek yang telah melahirkan sentimen perkauman yang tinggi. Integrasi etnik juga dikatakan masih lagi samar-samar. Secara idealnya, Malaysia tetap boleh dikatakan masih berada pada landasan yang tepat dalam membentuk sebuah negara bangsa yang mempunyai kepelbagaian etnik mengikut acuannya yang tersendiri. Secara realitinya, sentimen perkauman masih kuat mencengkam khususnya dalam konteks budaya politik masyarakat berbilang etnik dan perkara ini perlulah dipandang serius oleh semua pihak (Abdullah, 2010).

Selain itu, tahap integrasi etnik seharusnya tidak boleh dinilai dalam perspektif yang sempit dan jumud. Dalam aspek yang lain pula seperti aspek sosial dan ekonomi, tahap integrasi etnik di Malaysia berada pada tahap yang sederhana. Dalam konteks sosiobudaya dan agama, Talib, Mohd Isa, Gill, Ahmad, Jawan dan Mohad (2014) menyatakan bahawa perjalanan sejarah telah membentuk masyarakat Malaysia yang sangat unik dengan kepelbagaian sosiobudaya dan

agama. Kepelbagaian ini merupakan antara faktor interaksi dan hubungan antara penganut agama di Malaysia menjadi unik dan menarik. Talib et al. (2014) mendapati bahawa tahap persepsi terhadap toleransi sosioagama secara keseluruhan dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah positif. Ringkasnya, beliau menolak pandangan segelintir pihak yang cuba memberikan gambaran melalui media massa bahawa wujud suasana yang tidak harmoni dalam konteks interaksi dan hubungan antara etnik dan agama di Malaysia.

Secara realitinya juga, Malaysia dilihat menjadi antara negara yang paling progresif dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan etnik-etnik yang dikatakan sebagai minoriti. Pue dan Kaur (2014) menyatakan bahawa soal etnisiti dan identiti etnik kekal hangat dalam kancah kehidupan bermasyarakat di Malaysia. Walaupun mempunyai kesedaran etnik yang tinggi, terdapat dalam kalangan rakyat Malaysia yang masih tidak mempunyai pengetahuan mengenai kumpulan-kumpulan etnik lain, khususnya mengenai kumpulan-kumpulan etnik minoriti. Masalah ini dilihat cenderung berlaku dan dihadapi dalam interaksi dengan golongan awam dalam arus perdana di luar lokaliti mereka. Pue dan Kaur (2014) mendapati bahawa terdapat dalam kalangan masyarakat di Malaysia yang masih mempunyai kesedaran dan pengetahuan yang sedikit dan cetek mengenai kumpulan etnik minoriti yang terdapat di negara ini. Hal ini dapat dikaitkan dengan penekanan kepada pendekatan ‘tafsiran autoriti’ yang disusul daripada ilmu, kaedah dan pendekatan penjajah dalam mengurus kepelbagaian etnik yang wujud. Selepas suatu masa, pengetahuan ini menjadi fakta sosial yang diterima, berleluasa dan dominan dalam masyarakat tersebut.

Dalam aspek pendidikan pula, pelbagai usaha daripada pelbagai pihak dalam merealisasikan impak integrasi etnik yang positif sejak daripada bangku sekolah lagi. Usaha yang berterusan perlu diambil bagi merealisasikan perkara ini kerana secara realitinya, interaksi dalam kalangan pelajar daripada kelompok etnik yang berbeza masih berada pada tahap yang rendah. Suresh Kumar (2014) menyatakan bahawa secara umumnya, di Malaysia, majoriti murid dalam bilik darjah memperlihatkan pola interaksi yang positif dengan rakan daripada kelompok etnik yang sama. Kerapatan dalam kalangan murid daripada kelompok etnik yang sama mengukuhkan persahabatan lebih-lebih lagi dalam kalangan murid yang mempunyai budaya dan bahasa interaksi yang sama. Terdapat beberapa kemungkinan mengenai faktor-faktor yang menghalang interaksi merentasi etnik dalam kalangan murid di persekitaran sekolah. Kemungkinan ini perlu dilihat dari tiga aspek. Pertama, ia perlu dilihat dari perspektif murid itu sendiri. Pembentukan pola interaksi dalam kalangan kelompok etnik masing-masing menggambarkan satu bentuk keselesaan dalam pergaulan dalam kalangan murid akibat persamaan yang dikongsi bersama dalam konteks bahasa, budaya dan agama. Pola interaksi yang berteraskan nilai-nilai ini dilihat telah menguatkan rasa ‘kekitaan’ dalam kalangan murid daripada kelompok etnik yang sama. Dalam aspek ini, komunikasi yang baik memberi kesan positif terhadap pola interaksi dan kerapatan dalam hubungan persahabatan dalam kelompok etnik yang sama (Suresh Kumar, 2014).

Faktor kedua yang menghalang interaksi merentasi etnik dalam kalangan murid di persekitaran sekolah juga dilihat dari perspektif keluarga. Sejak kecil lagi, seseorang anak kuat dipengaruhi oleh asuhan dan didikan dalam persekitaran budaya etnik yang sama. Pola interaksi awal seseorang anak di rumah secara umumnya menggunakan bahasa ibunda masing-masing (Hasbullah *et al.*, 2017). Pendidikan bahasa secara tidak eksplisit yang diberi pendedahan berterusan mampu meningkatkan penguasaan komunikasi penuturnya (Hasbullah, A., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., Herlina, J., dan Rudy Adie, R., 2017). Maka, kebiasaan dan keselesaan yang telah dilalui dalam interaksi di rumah masing-masing ini

telah memberikan implikasi terhadap perkembangan dari segi pemikiran dan tingkah laku murid tersebut semasa mereka berada di bangku persekolahan dan terpaksa menyesuaikan diri dengan murid daripada latar belakang etnik dan bahasa yang berbeza. Pertembungan murid daripada etnik yang berbeza di persekitaran sekolah mendorong mereka mencari nilai-nilai persamaan dalam hubungan dan interaksi antara mereka. Kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan murid daripada etnik lain akibat pelbagai ketidaksamaan mendorong mereka ini membentuk interaksi dan mengukuhkan persahabatan daripada etnik yang sama (Suresh Kumar, 2014).

Faktor ketiga, faktor penghalang interaksi merentasi etnik dalam kalangan murid juga perlu dilihat dari perspektif sistem sekolah dan persekolahan itu sendiri. Tidak dapat dinafikan bahawa semua sekolah sememangnya berusaha untuk membentuk interaksi dan hubungan etnik dalam kalangan murid. Namun, kejayaannya bergantung kepada perancangan, strategi dan juga darjah penglibatan tenaga pengajar dan pentadbir sekolah dalam menjayakan aspirasi ini. Kekurangan mana-mana satu elemen daripada komponen ini tidak kira sama ada perancangan, strategi mahupun darjah penglibatan maka ia akan memberikan implikasi terhadap pola interaksi merentasi etnik yang diharapkan (Suresh Kumar, 2014).

Pelbagai isu yang melibatkan tahap interaksi dan hubungan etnik di Malaysia ini seharusnya dinilai dan diperhalusi dalam mencari penyelesaian yang terbaik dan sesuai. Makalah ini cuba mencetuskan suatu bentuk penyelesaian yang idealis dan pada masa yang sama realistik untuk dilaksanakan dengan mengambil kira status Malaysia yang merupakan negara yang mempunyai majoriti rakyat dan masyarakat yang beragama Islam dan meletakkan Islam sebagai agama rasmi persekutuan seperti yang tertera dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan di bawah Perkara 3(1) ini jelas memberikan hak kepada semua agama selain Islam untuk mengamalkan dan mempraktikkan agama mereka dan juga menjelaskan kedudukan Raja-Raja sebagai ketua agama di negeri-negeri melainkan negeri yang tidak mempunyai raja. Di samping kedudukan Raja-Raja, ia juga menyentuh tentang Yang di Pertuan Agong adalah ketua agama Islam bagi negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Perkara ini juga menggambarkan bahawa Islam menggalakkan persefahaman dalam membentuk perpaduan yang tidak terbatas kepada saudara seagama sahaja. Sebagai contoh, perubahan situasi yang berlaku di Malaysia, Islam bukan lagi menjadi milik etnik atau kaum Melayu sahaja bahkan sudah mulai menyentuh minat masyarakat secara totalnya, termasuk di peringkat global mahupun antarabangsa. Oleh demikian, makalah ini cuba membentuk konsep interaksi etnik dalam perspektif yang lebih khusus dan terfokus iaitu dari perspektif pembangunan berteraskan Islam. Sebelum memperincikan bagaimana konsep interaksi etnik dari perspektif pembangunan berteraskan Islam ini dengan lebih lanjut, bahagian seterusnya dalam makalah ini cuba memberikan pengenalan mengenai pembangunan Islam atau disebut sebagai pembangunan berteraskan Islam menurut beberapa sarjana dalam konteks Malaysia.

Malaysia Ke Arah Pembangunan Berteraskan Islam

Idea dan usaha ke arah pembangunan berteraskan Islam atau membangun secara Islam di Malaysia bermula dengan pesat sejak tahun 1970-an lagi. Terdapat dua faktor utama yang mendorong kemunculan idea dan usaha ini. Pertama, timbulnya kesedaran dalam kalangan umat Islam khususnya di Malaysia sendiri berikutan daripada kebangkitan semula Islam sekitar akhir tahun 60-an dan awal tahun 70-an. Faktor kedua pula berkait dengan kemelut pembangunan yang semakin memuncak pada ketika itu. Seluruh dunia sedang disibukkan dengan isu-isu kemiskinan, pengangguran, penyalahgunaan kuasa, rasuah, inflasi, keadilan sosioekonomi yang bertambah ketara, kemerosotan ekologi dan keruntuhan akhlak yang

membimbangkan (Salleh, 1990). Walaupun terdapat pelbagai strategi dan pendekatan telah diambil bagi mengatasi permasalahan ini, namun matlamat pembangunan yang diharapkan masih lagi tidak dapat dicapai. Hal ini telah menjadi satu pemangkin dan pendorong kepada lahirnya idea-idea dan usaha-usaha ke arah pembangunan berteraskan Islam pada tahun 70-an yang lalu (Salleh, 2000; Salleh, 2003b).

Menurut Salleh (2003a), tasawur merupakan komponen yang paling utama dan penting dalam pembangunan berteraskan Islam. Tasawur acuan, asas dan teras sesuatu perkara. Secara etimologinya, tasawur merupakan asas, gambaran, tanggapan dan cara pandang terhadap segala sesuatu (Hanapi, 2013). Hassan (1993) mendefinisikan tasawur sebagai satu gambaran atau penjelasan yang komprehensif dan hakiki mengenai sesuatu perkara. Perkataan tasawur yang digabungkan dengan perkataan Islam akan membentuk tasawur Islam yang membawa maksud gambaran komprehensif atau hakiki mengenai Islam yang bertujuan memperjelaskan secara keseluruhan prinsip asas Islam secara benar sehingga menjadi asas kepada pandangan hidup dan bersehati dalam diri seseorang insan (Din, 1992; Awang, 2002; Salleh, 2003a; Ahmad, 2010; Hanapi, 2013).

Tasawur Islam ini memainkan peranan yang sangat penting dan merupakan asas atau acuan bagi setiap aspek kehidupan manusia. Hal ini bermakna, setiap tindakan yang dilakukan oleh manusia dipengaruhi dan dicorakkan oleh tasawurnya (Hassan, 1993; Salleh, 2003a). Menurut Awang (2002) dan Salleh (2003a), terdapat tiga elemen utama dalam tasawur Islam iaitu pertama, Allah SWT sebagai Pencipta, kedua, manusia merupakan makhluk dan ketiga, sumber alam juga adalah makhluk seperti manusia, tunduk dan patuh kepada Pencipta iaitu Allah SWT. Dalam konteks pembangunan berteraskan Islam, ia mestilah didasarkan dengan tasawur Islam yang meletakkan aspek akidah tauhid sebagai paksi utama dalam pembangunan berteraskan Islam. Hal ini bertepatan dan seiring dengan pandangan Hassan (1992) yang menyatakan bahawa dalam proses menerapkan konsep akidah tauhid dalam pembangunan, gambaran atau *world-view* berkenaan dengan aspek akidah tauhid perlu difahami terlebih dahulu kerana ia merupakan asas utama dalam memberikan gambaran yang jelas mengenai Islam.

Dapat disimpulkan bahawa paradigma pembangunan berteraskan Islam ini meletakkan keperluan dan kepentingan manusia mempunyai interaksi dan hubungan dengan Penciptanya. Bentuk interaksi dan hubungan ini pula adalah berasaskan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan. Dengan prinsip inilah manusia membina asas interaksi dan hubungan dengan manusia yang lain, dan seterusnya membina asas interaksi dan hubungan dengan alam. Pembangunan berteraskan Islam ini bukanlah suatu idea dan usaha untuk menyaingi kemajuan dalam aspek pembangunan yang telah dicapai oleh pihak Barat mahupun negara-negara maju semata-mata, tetapi perkara yang lebih mustahak untuk dilaksanakan adalah melaksanakan tanggungjawab manusia yang sebenarnya bagi mencapai matlamat akhir kehidupannya. Oleh demikian, pembangunan berteraskan Islam ini menyarankan satu bentuk pembangunan yang holistik dan menyeluruh serta seimbang antara dimensi pembangunan kuantiti dan kualiti, antara kepentingan individu dengan masyarakat, antara dunia dengan akhirat, dan antara aspek material dan spiritual (Mohd Nain & Md Yusoff, 2003).

Dalam konteks pembangunan berteraskan Islam, terdapat beberapa dimensi yang sangat penting untuk difahami iaitu pembangunan manusia, pembangunan politik, pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi (Mohd Nain & Md Yusoff, 2003; Hanapi, 2013). Pembangunan manusia merupakan dimensi pembangunan yang paling utama dan penting dalam pembangunan berteraskan Islam selepas tasawur Islam. Definisi manusia dari segi

tanggungjawab dan peranannya mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan keperluan manusia dalam pembangunan berteraskan Islam (Abang Muis, 2015). Menurut Noordin (2009), dalam bidang sains sosial, insan atau manusia sering dirujuk sebagai haiwan sosial. Bezanya, manusia lebih berakal dan mempunyai tingkah laku yang lebih kompleks berbanding haiwan-haiwan lain. Manusia dianggap lahir daripada keluarga haiwan sehingga terdapat disiplin ilmu yang menganggap manusia sebagai “haiwan rasional” dan “haiwan ekonomi” serta mempunyai potensi untuk menjadi rasional dan mengkaji sistem kerasionalan manusia (Sulaiman, 1997). Dari perspektif Islam, pengertian-pengertian tersebut tidak sesuai digunakan dan tidak tepat kerana lahir daripada pendekatan evolusi akal yang bertentangan dengan Islam (Yusof, 2012; Ahmad, 2013)

Integrasi Etnik dari Perspektif Pembangunan Berteraskan Islam

Islam merupakan agama yang bersifat universal dan bukannya hanya mementingkan aspek ritual semata-mata bahkan dalam setiap aspek kehidupan, Islam menetapkan kaedah dan peraturannya yang perlu diikuti oleh penganutnya (Mohd Zarif, Atoma & Mohd Yusof, 2012). Perincian dan penjelasan mengenai pembangunan berteraskan Islam sebelum ini memberikan suatu pembuktian bahawa sifat universal Islam ini bukan sahaja memberikan kebaikan kepada penganutnya semata-mata bahkan ia turut membuktikan bahawa Islam turut memberikan hak dan kepentingan kepada penganut agama yang lain walaupun Islam memegang kuasa dalam konteks pentadbiran politik, sosial, ekonomi dan sebagainya. Dalam konteks integrasi etnik, walaupun berbeza kepercayaan dan anutan, terdapat beberapa aspek dalam paradigma pembangunan berteraskan Islam yang boleh diterapkan.

Antaranya adalah penekanan nilai-nilai Islam. Nilai didefinisikan sebagai kepercayaan yang mendorong seseorang atau institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama masyarakat. Sesuatu tingkah laku atau asas pemikiran manusia yang bertepatan dengan sistem nilai Islam diterima sebagai perbuatan yang Islamik. Jika dilihat sistem nilai-nilai murni dalam skop syariat Islam, ia berasaskan akidah tauhid yang menjadi acuan kepada falsafah sistem nilai (INTAN, 1991).

Penekanan unsur nilai menurut Islam sememangnya telah banyak dibincangkan oleh para sarjana dan para ilmuwan Islam terdahulu. Aspek nilai dalam pembangunan berteraskan Islam lebih menyeluruh dan sempurna berbanding nilai-nilai konvensional. Hal ini bertitik tolak daripada tanggapan bahawa setiap perkara yang dilakukan oleh manusia dikira sebagai ibadah termasuklah ketaatan dan tanggungjawab kepada Allah SWT, ketua, keluarga, institusi dan negara. Kesempurnaan nilai dalam pembangunan berteraskan Islam terletak pada asas dan sumbernya. Asasnya ialah akidah, syariah dan akhlak. Sumbernya pula ialah al-Qur'an dan Hadith. Hal ini juga bermakna, nilai dalam pembangunan berteraskan Islam mempunyai kekuatan rohaniah yang paling kukuh (Daud, 1994). Nilai-nilai tersebut hanya benar-benar dapat dihayati sekiranya dihubungkan dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Sekiranya ia tidak dapat dihubungkan dan disepadukan, hal ini bermakna nilai-nilai tersebut tidak dapat berfungsi dengan baik (Sulaiman, 1997).

Walaupun secara umumnya, penekanan nilai tidaklah ditonjolkan secara khusus dalam prinsip-prinsip pembangunan berteraskan Islam, ia tetap menjadi salah satu aspek penting khususnya dalam konteks integrasi etnik khususnya di Malaysia. Melalui sorotan yang telah dilakukan terhadap beberapa karya oleh para sarjana, terdapat beberapa nilai yang menjadi prinsip dalam pembangunan berteraskan Islam yang telah dikenal pasti sangat penting dalam membentuk konsep integrasi etnik dari perspektif pembangunan berteraskan Islam. Antaranya ialah nilai

wasatiyyah atau kesederhanaan (Abd Halim, Awang & Abdul Gapar, 2016; Muslim, Musa & Buang, 2011).

Dalam konteks pembinaan integrasi etnik dalam kalangan masyarakat di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, sememangnya banyak cabaran yang perlu diatasi. Oleh demikian, nilai wasatiyyah sangat penting diterapkan sebagai salah satu pendekatan bagi menghadapi cabaran-cabaran tersebut. Wasatiyyah, kesederhanaan dan moderat merupakan antara istilah yang diguna pakai oleh sarjana-sarjana Islam dan Barat untuk menjelaskan pengertian dan konsepnya. Terdapat persamaan dan perbezaan antara istilah yang diguna pakai oleh mereka. Antara persamaan yang jelas adalah dalam membendung penularan ekstremisme dan kembali kepada fitrah manusia. Namun terdapat juga perbezaan yang jelas antara pemahaman konsep dan pengertian wasatiyyah, iaitu sandaran sumber Islam dan Barat hasil daripada orientasi ideologi pembangunan yang berbeza. Oleh demikian, perlu difahami bahawa masyarakat yang mengamalkan nilai wasatiyyah atau kesederhanaan ini bukan bermaksud masyarakat yang fanatik dan taasub melulu terhadap etnik, agama atau ideologi politik. Umat wasatiyyah atau moderat merupakan umat manusia yang bijak membezakan hak dan batil, benar dan salah mengikut ajaran agama yang sah dan pemikiran yang rasional (Mujani, 2019).

Wasatiyyah atau dengan bahasa mudahnya ialah kesederhanaan sudah lama di amalkan di Malaysia. Konsep wasatiyyah ini dapat dijelaskan dalam semua aspek seperti dalam ibadah, akhlak, perundangan, politik dan juga dalam aspek sosial iaitu perhubungan di antara individu dan masyarakat. Hal ini dijelaskan dengan sikap bertolak ansur, menerima agama serta amalan keagamaan etnik-etnik lain dan sebagainya yang akhirnya untuk membina perpaduan yang harmoni dalam masyarakat. Apabila integrasi dan perpaduan antara masyarakat berbilang etnik ini dihubungkan dengan konsep wasatiyyah dan pada masa yang sama masyarakat juga memahami konsep wasatiyyah ini, maka ia akan mudah dicapai dan bertambah kukuh (Abdullah, 2010).

Oleh demikian, dapatlah difahami bahawa, dari perspektif Malaysia, nilai wasatiyyah akan melahirkan satu umat manusia yang progresif dalam pembangunan berteraskan Islam yang berpaksikan kekuatan keimanan kepada Allah SWT. Strategi dan pendekatan ini sudah pasti tidak akan mengabaikan kebajikan rakyat berbilang etnik dan seterusnya mengukuhkan lagi integrasi etnik dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Hal ini bermakna, nilai wasatiyyah di Malaysia bukan sahaja bertujuan menjaga interaksi, hubungan dan integrasi sesama penganut Islam sahaja, tetapi juga menyeluruh kepada sesama etnik, kaum, agama dan sebagainya. Bagi masyarakat bukan Islam pula, nilai wasatiyyah ini boleh diambil dan sangat diperlukan supaya mereka menyedari dan berfikir dengan rasional dan sederhana bahawa mereka merupakan sebahagian daripada masyarakat dan sanggup taat setia kepada pemimpin serta menyumbangkan sesuatu kepada pembangunan negara walaupun pembangunan berteraskan Islam diterapkan dalam segenap aspek kehidupan masyarakat di Malaysia.

Ringkasnya, walaupun dalam konteks pembangunan berteraskan Islam meletakkan tasawur Islam sebagai asas utama, integrasi etnik khususnya kesatuan umat dan etnik tetap menjadi agenda utama pembangunan. Hal ini dapat dilihat melalui contoh yang ditunjukkan oleh masyarakat di Madinah pada zaman Rasulullah SAW yang juga merupakan masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai etnik, puak dan kabilah. Bahkan sebelum peristiwa hijrah baginda, wujud permusuhan dan peperangan antara masyarakat tersebut. Kepelbagaian etnik dan kabilah ini mewujudkan ruang yang sukar untuk kesatuan kerana sikap taasub dan fanatik kepada etnik dan kabilah amat kuat. Maka, Rasulullah SAW berusaha ke arah

penyatuan di samping tetap mengutamakan pembangunan dalam segenap aspek yang berteraskan Islam (Muslim & Buang, 2012; Abdul Kadir, 2017).

Kesatuan umat manusia ini diasaskan tiga aspek utama. Pertama, perkongsian sifat kemanusiaan. Walaupun terdapat pelbagai etnik, kaum, bangsa dan perbezaan agama, manusia tetap berkongsi satu sifat asas iaitu kemanusiaan. Kedua, kepelbagaian etnik untuk tujuan pengenalan dan perkongsian. Pengenalan dan perkongsian sifat kemanusiaan mewujudkan etnik, kaum dan bangsa. Ketiga, kemakmuran bumi. Antara tugas, peranan dan tanggungjawab manusia adalah untuk membangunkan dan memakmurkan bumi. Oleh demikian, ketiga-tiga aspek ini merupakan asas utama dalam integrasi etnik yang harmoni. Dalam Perlembagaan Madinah iaitu Sahifah Madinah, dinyatakan dengan jelas bahawa Muslim dan bukan Muslim merupakan satu umat dan perlu saling membantu dan memerlukan (Muslim & Buang, 2012; Abdul Kadir, 2017).

Oleh demikian, dalam meneruskan agenda integrasi etnik dan pembinaan bangsa ini berasaskan dan berteraskan perspektif pembangunan berteraskan Islam khususnya pemahaman dan penghayatan nilai-nilai seperti wasatiyyah ini sudah pasti memerlukan mekanisme, strategi dan pendekatan yang berkesan. Pendidikan merupakan wahana pembinaan bangsa yang terbaik. Justeru, pemindahan nilai dari generasi ke generasi merupakan usaha berterusan yang tidak boleh diberhentikan. Fenomena akhir-akhir ini dalam perkembangan masyarakat majmuk di Malaysia memberikan isyarat bahawa tumbuhnya kesedaran mengenai idealisme dan aspirasi bersama yang merentasi sempadan etnik. Masyarakat mula bersatu memperjuangkan nilai-nilai kemanusiaan, kesederhanaan, keadilan, integrasi dan integriti (Fadzil, 2018).

Kesimpulan

Kepelbagaian agama yang dianuti oleh penduduk Malaysia merupakan satu keunikan yang sepatutnya diraikan dan menjadi kebanggaan kita semua. Setiap agama mempunyai amalan tersendiri yang perlu dihormati dan seharusnya sebagai rakyat Malaysia, perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti agama dan budaya anutan masyarakat lain perlu dielakkan. Hal inilah yang menjadi pegangan dalam agama Islam yang sememangnya sangat menekankan kepentingan konsep integrasi etnik yang positif khususnya antara umat Islam dan masyarakat bukan Islam khususnya di Malaysia dalam pelbagai aspek kehidupan mereka termasuklah dalam aspek pembangunan. Idea-idea dan usaha pembangunan berteraskan Islam tidaklah menjadikan Malaysia semakin terkebelakang khususnya dalam pembentukan tahap integrasi etnik yang positif. Hal ini kerana, pada dasarnya, Islam tetap tidak menafikan hak dan kepentingan etnik atau penganut agama lainnya walaupun Islam mempunyai kuasa dalam aspek politik, sosial dan ekonomi dan penganutnya merupakan masyarakat majoriti di Malaysia. Terbukti juga bahawa Islam tidak pernah mengajar penganutnya untuk memutuskan hubungan atau interaksi dengan manusia lain yang mempunyai ras, etnik atau agama yang berbeza termasuklah dalam aspek pembangunan material mahupun pembangunan spiritual.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan FRGS Racer (Kod Geran: FRGS RACER07-2019) dan Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2111).

Rujukan

- Abang Muis, A.M.R. (2015). *Pembangunan insan berteraskan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Halim, M.N., Awang, J., & Abdul Gapar, M.H. (2016). Tahap pengetahuan rakyat terhadap asas agama-agama dominan di Malaysia: Kajian lapangan di negeri Kedah dan Selangor. *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas*, 15, 64–83.
- Abdul Kadir, M.N. (2017). *Fiqah hubungan etnik: Panduan harmoni dalam negara pelbagai kaum*. Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman, H., Ahamd, N., & Abdul Wahab, S.R. (2009). Konsep-konsep asas hubungan etnik. In *Hubungan etnik di Malaysia: Perspektif teori dan praktik*. (pp. 1–15).
- Abdullah, M.R.T. (2010). Cabaran integrasi antara kaum di Malaysia: Perspektif sejarah, keluarga dan pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 3(2010), 61–84.
- Ahmad, F.A. (2010). *Kaedah pengurusan institusi-institusi pembangunan berteraskan Islam di Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara (UiTM).
- Ahmad, F.A. (2013). *Konsep pengurusan institusi pembangunan berteraskan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali, S.H. (2017). *Ethnic relations in Malaysia: Harmony and conflict* (2nd ed.). Strategic Information and Research Development Centre.
- Baharuddin, S.A. (2012). *Modul hubungan etnik* (2nd ed.). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Fadzil, S. (2018). *Pembinaan bangsa: Kepelbagaian dalam bingkai kesatuan* (3rd ed.). IDE Research Centre Sdn. Bhd.
- Hanapi, M.S. (2013). *Tasawur Islam dan pembangunan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din. (1992). *Tasawwur Islam*. Pustaka Hizbi.
- Hasbullah, A., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., Herlina, J., dan Rudy Adie, R. (2017). Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 11(2017):77-85.
- INTAN. (1991). *Nilai dan etika dalam perkhidmatan awam*. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Romzi Ationg, Mohd Sohaimi Esa, Mohd Kamal Mohd Shah. (2020). The Influence of Culture and Family Towards The Decision to Pursue Study Abroad: A Case Study of Malaysian Public Universities. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/ Egyptology*, 17(6):10688-10714.
- Mohd. Affandi Hassan. (1992). *The tawhidic approach in management and public administration: Concepts, principles and an alternative model*. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Mohd. Kamal Hassan. (1993). The Islamic worldview. *Seminar on Islam and Its Worldview: An American Perception*.
- Mohd Nain, A.S., & Md Yusoff, R. (2003). *Konsep, teori, dimensi dan isu pembangunan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Mohd Shukri Hanapi. (2012). Pembentukan tasawur dan kesan terhadap pembangunan tradisi keilmuan Islam. *International Journal of Islamic Thought (IJIT)*, 2, 55–61.
- Mohd Zarif, M.M., Atoma, P., & Mohd Yusof, H. (Eds.). (2012). *Islam dan Wasatiyyah*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Hasbullah, A. Herlina, J., dan Rudy Adie, R. (2017). Persekitaran Politik Sebagai Motif Ekspatriasi Akademik Ekspatriat Berdikari Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 11(2017):59-67.

- Mujani, W. K. (Ed.). (2019). *Wasatiyyah dalam kesepaduan sosial di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muslim, N., & Buang, A.H. (2012). Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*. <https://doi.org/10.5897/AJAR12.485>
- Muslim, N., Musa, N.Y., & Buang, A. H. (2011). Ethnic relations in Malaysia from an Islamic perspective. *Kajian Malaysia*, 29(1), 128.
- Mustafa Daud. (1994). *Pengurusan Islam*. Utusan Publications & Distributors.
- Pue, G.H., & Kaur, C. (2014). Identiti etnik minoriti di Malaysia: Antara realiti sosial tafsiran autoriti dan tafsiran harian. *Akademika*, 84(1&2), 57–70. <https://doi.org/10.17576/akad-2014-8401n2-05>
- Ramli, A.H. (2015). *Perlembagaan Malaysia: Isu dan persoalan perhubungan kaum*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Awang. (2002). *Tasawwur Rabbani menurut al-Qur'an dan al-Sunnah*. Al-Hidayah Publishers.
- Salleh, M.S. (1990). Pembangunan untuk manusia atau manusia untuk pembangunan: Analisis tentang manusia dalam pembangunan berteraskan Islam. In *Konsep dan pelaksanaan pembangunan berteraskan Islam* (pp. 30–47). Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM).
- Salleh, M.S. (2003a). *7 prinsip-prinsip pembangunan berteraskan Islam*. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM).
- Salleh, M.S. (2003b). *Pembangunan berteraskan Islam*. Utusan Publications & Distributors.
- Salleh, M.S. (2000). Ke arah pengurusan pembangunan Islam. In Muhammad Syukri Salleh & Fadzila Azni Ahmad (Eds.), *Pengurusan Pembangunan Islam* (pp. 11–38). Projek Pengurusan Pembangunan Islam (IDMP).
- Shaari, M.R., Ayob, A., Zakaria, Z., & Yusof, A. (2019). Tahap integrasi antara etnik di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Perpaduan*, 1.
- Shaharom TM Sulaiman. (1997). *Pengurusan Islam dan pembangunan manusia*. Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Suresh Kumar, N.V. (2014). Etnisiti dan interaksi sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik di bilik darjah. *Journal of Human Capital Development*, 7(2), 47–62.
- Tajul Ariffin Noordin. (2009). Pembangunan insan dari perspektif pendidikan. In *Pasca sidang Seminar Pendidikan Tinggi Islam I-V*. Kolej Dar al-Hikmah.
- Talib, A.T., Mohd Isa, N.A., S. Gill, S., Ahmad, Z., Jawan, J., & Mohad, A.H. (2014). Persepsi terhadap toleransi sosio-agama di Sabah dan Sarawak. *Seminar Antarabangsa Dakwah Dan Etnik*, 1–11.
- Wan Mohamad Sheikh Abd. Aziz. (2011). Pemahaman dan penghayatan nilai menjana kepada prestasi: Pengalaman Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). In *Pemahaman dan penghayatan nilai menjana kepada prestasi*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Yusof, A.A. (2012). *Pembangunan holistik dari perspektif Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.